

30 SEP 1998

Zahid-bebas

ZAHID DIBEBAHKAN DARI TAHANAN ISA

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi dan empat pemimpin tertinggi Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dibebaskan hari ini setelah ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), kata polis.

Empat pemimpin ABIM itu ialah presidennya Ahmad Azam Abdul Rahman, timbalan presiden Mokhtar Ridzwan, naib presiden Abdul Halim Ismail dan setiausaha agung Shaharuddin Badaruddin.

Kelima-limanya ditahan pada 21 Sept mengikut Seksyen 73 (1) akta tersebut sehari selepas bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ditahan mengikut seksyen yang sama.

Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dalam satu kenyataan pada 3.50 petang ini berkata kelima-lima mereka dibebaskan tanpa syarat.

Mereka ialah antara 17 orang yang ditahan berikutan beberapa perhimpunan haram yang mencetuskan rusuhan dan kekacauan di ibu negara. Perhimpunan itu diadakan oleh penyokong Anwar yang dipecat dari kabinet pada 2 Sept lepas dan dari Umno sehari selepas itu.

Zahid dibebaskan di Ibu Pejabat Polis Daerah Brickfields di sini tengah hari ini dan kelihatan keluar dari kawasan balai dengan kereta Proton Wira.

Beliau ditahan di Kota Kinabalu dan dibawa pulang ke ibu negara pada 24 Sept lepas.

Selain Anwar, mereka yang masih ditahan mengikut ISA ialah Ketua Pemuda Umno Negeri Sembilan Ruslan Kassim dan Ketua UMNO Bahagian Bandar Tun Razak Tamunif Mokhtar.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu Dewan Rakyat bahawa Anwar ditahan mengikut ISA kerana menghasut pengikutnya supaya merusuh.

Sehingga petang ini belum ada sebarang kenyataan diperolehi daripada Ahmad Zahid yang sedang berehat bersama keluarganya di rumahnya dekat sini.

Sementara itu, naib presiden (antarabangsa) ABIM Prof Madya Dr Mohammad Redzuan Othman berkata dalam satu kenyataan petang ini keempat-empat pemimpin ABIM itu dibebaskan pada 1 tengah hari tadi.

"Semua yang dibebaskan berada di dalam keadaan sihat dan sedang berehat bersama keluarga," kata beliau sambil menyatakan rasa syukurnya dengan pembebasan mereka.

--BERNAMA

SLR ZKS MAI